

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

ATP201 - PERAKAUNAN KEWANGAN II

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEBELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Syarikat Tora Awam, sebuah perusahaan swasta, sedang merundingkan satu pinjaman untuk tujuan pengembangannya. Pihak Bank mahukan penyata kewangan yang telah diauditkan. Sebelum menutup rekod perakaunan bagi tahun berakhir 31 Disember 1993, akauntan Syarikat Tora Awam telah menyediakan penyata kewangan berbanding bagi tahun 1993 dan 1992.

Syarikat Tora Awam
Kunci Kira-Kira 31 Disember 1993 dan 1992

	<u>1993</u>	<u>1992</u>
Tunai	RM 550,000	RM 300,000
Sekuriti bolehpasar, pada harga pasaran	156,000	-
Akaun belum terima	974,000	784,000
Elaun untuk akaun ragu	(100,000)	(64,000)
Inventori	850,000	770,000
Harta benda dan kelengkapan	620,000	434,000
Susut nilai terkumpul	(300,000)	(242,000)
Jumlah Aset	<u>RM2,750,000</u>	<u>RM1,982,000</u>
	=====	=====
Akaun belum bayar	RM 180,000	RM 154,000
Belanja terakru	160,000	40,000
Nota belum bayar, 5-tahun	600,000	600,000
Anggaran liabiliti kontigensi	200,000	-
Saham biasa, nilai par RM 10	420,000	420,000
Tambahan modal berbayar	260,000	260,000
Perolehan tertahan	930,000	508,000
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemilik	<u>RM2,750,000</u>	<u>RM1,982,000</u>
	=====	=====

...2/-

Syarikat Tora Awam
Penyata Pendapatan
31 Disember 1993 dan 1992

	<u>1993</u>	<u>1992</u>
Jualan bersih	RM3,160,000	RM2,500,000
Kos kendalian:		
Kos jualan	RM1,510,000	RM1,380,000
Jualan dan pentadbiran	984,000	730,000
Susutnilai	58,000	36,000
Anggaran kerugian akibat saman	200,000	-
	<u>RM2,752,000</u>	<u>RM2,146,000</u>
Pendapatan operasi	RM 408,000	RM 354,000
Laba belum direalisasi daripada sekuriti boleh pasar	14,000	-
Pendapatan bersih	<u>RM 422,000</u> =====	<u>RM 354,000</u> =====

Semasa audit dijalankan, maklumat tambahan seperti berikut telah diperolehi:

- (a) Portfolio pelaburan mengandungi pelaburan-pelaburan sekuriti boleh pasar jangka pendek dengan jumlah nilai pasaran sebanyak RM156,000 pada 31 Disember 1993. Sekuriti tersebut telah dibeli pada 3 Februari 1993 pada harga RM142,000.
- (b) Akibat kesilapan di dalam kiraan fizikal, inventori telah terlebih catat sebanyak RM30,000 pada 31 Disember 1993.
- (c) Pada 2 Januari 1993, kos belian kelengkapan sebanyak RM80,000 telah tersilap catat ke dalam akaun penyelenggaraan dan pembaikan. Syarikat Tora Awam menyusut nilaikan kelengkapan jenis ini dengan kaedah garis lurus di atas jangka hayat lima tahun, tanpa sebarang baki ataupun nilai sisaan.

...3/-

- (d) Syarikat Tora Awam telah dinamakan sebagai defendan di dalam sebuah saman di dalam bulan Oktober 1993. Peguam Syarikat Tora Awam, berpendapat bahawa Syarikat Tora Awam mempunyai pembelaan yang baik dan dalam jangkaannya tidak akan terdapat perubahan mendadak ke atas aset Syarikat Tora Awam atau berlakunya liabiliti yang besar. Walau bagaimanapun, pihak peguam Syarikat Tora Awam mengakui bahawa kekalahan terhadap saman tersebut berkemungkinan terjadi. Syarikat Tora Awam ingin bertindak secara konservatif dan memperuntukkan kerugian kontigensi sebanyak RM200,000 pada 31 Disember 1993.
- (e) Pada 24 Januari 1994, sebelum penyata kewangan 1993 dikeluarkan, Syarikat Tora Awam telah difahamkan bahawa salah satu daripada pelanggan terbesarnya telah membuat permohonan kepada mahkamah untuk kebangkrutan disebabkan oleh kerana sebahagian besar dari aset syarikat tersebut telah musnah akibat banjir pada 16 Januari 1994. Baki akaun belum terima bagi pelanggan tersebut pada 31 Disember 1993 adalah sebanyak RM144,000.
- (f) Sejumlah RM100,000 daripada nota belum bayar akan matang pada 31 September 1994. Dalam rancangan pengembangannya, Syarikat Tora Awam bercadang untuk pembiayaan semula nota tersebut sebelum ianya matang.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan kunci kira-kira berkelas yang sesuai bagi Syarikat Tora Awam pada 31 Disember 1993. (Cukai pendapatan boleh diabaikan).
- (ii) Kenalpastikan peristiwa-peristiwa dan lain-lain maklumat yang perlu didedahkan sebagai nota di dalam penyata kewangan Syarikat Tora Awam. (Nota tidak perlu disediakan).

[25 markah]

...4/-

2. (a) Dari sewaktu permulaan operasi sehingga 31 Disember 1992, Syarikat Manis menyediakan peruntukan untuk akaun belum terima yang tidak boleh dikutip dibawah kaedah elaun. Peruntukkan telah dibuat untuk setiap bulan, sebanyak 2% daripada jualan secara kredit; hutang lapuk terhapus kira akan dicajkan kepada akaun elaun; pemulihan hutang lapuk yang sebelumnya telah dihapuskira akan dikreditkan kepada akaun elaun; dan tiada penyelarasan akhir tahun kepada akaun elaun yang telah dibuat. Jangka tempoh biasa untuk jualan kredit adalah 30 hari bersih.

Baki kredit di dalam akaun elaun ragu adalah sebanyak RM260,000 pada 1 Januari 1993. Dalam tahun 1993, jumlah jualan kredit adalah sebanyak RM18,000,000, peruntukan interim untuk akaun ragu telah dibuat ke atas 2% daripada jumlah jualan kredit, sejumlah RM180,000 daripada hutang lapuk telah dihapus kira, dan pemulihan akaun yang telah dihapus kira terlebih dahulu berjumlah sebanyak RM30,000. Syarikat Manis memasang sistem berkomputer pada tahun 1993 dan sebuah pengusiaan akaun-akaun belum terima telah disediakan untuk pertama kalinya pada 31 Disember 1993. Ringkasan daripada pengusiaan tersebut adalah seperti berikut.

Kategori mengikut bulan jualan	Baki didalam setiap kategori	Anggaran % tak boleh pungut
Nov. - Dis. 1993	RM2,280,000	2 %
Jul. - Oct. 1993	1,200,000	15 %
Jan. - Jun. 1993	800,000	25 %
Sebelum 1/1/1993	260,000	80 %

Berdasarkan kajian semula kebolehkutipan baki-baki akaun di dalam kategori pengusiaan sebelum 1/1/1993, tambahan sebanyak RM120,000 akaun belum terima telah dihapus kira pada 31 Disember 1993. Berkenaan dengan tahun berakhir 31 Disember 1993, Syarikat Manis telah menggunakan kaedah perakaunan terbaru bagi menganggarkan akaun elaun ragu berdasarkan jumlah yang ditunjukkan oleh analisis pengusiaan akaun-akaun belum terima diakhir tahun.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan jadual yang menganalisa perubahan di dalam akaun elaun ragu untuk tahun berakhir 31 disember 1993. Tunjukkan kiraan didalam bentuk yang bersesuaian.

...5/-

- (ii) Sediakan catatan jurnal untuk penyelarasan akhir tahun ke atas baki akaun elaun ragu pada 31 Disember 1993.

[11 markah]

- (b) Syarikat Antah sedang menyediakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 1993. Sebelum pelarasan, inventori telah dinilai sebanyak RM76,050. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan urusan inventori yang tertentu.
- (i) Barang yang dinilai sebanyak RM11,000 berada atas konsainan dengan pelanggan. Barangan ini tidak diambil kira di dalam angka inventori RM70,050.
 - (ii) Barangan yang berkos RM2,700 telah diterima daripada pembekal pada 5 Januari 1994. Invois berkaitan telah diterima dan direkodkan pada 12 Januari 1994. Barangan tersebut telah dikirimkan pada 31 Disember dengan syarat tambang muatan ke kapal.
 - (iii) Barangan berkos RM8,500 telah dikirimkan pada 31 Disember 1993 dan diserahkan kepada pelanggan pada 2 Januari 1994. Syarat invois adalah tambang muatan ke kapal. Barangan ini telah dimasukkan ke dalam kiraan inventori pada akhir tahun 1993, walaupun jualannya telah direkodkan pada tahun 1993.
 - (iv) Kiriman barangan berjumlah RM3,500 kepada seorang pelanggan pada 31 Disember dengan syarat tambang muatan ke destinasi tidak dimasukkan ke dalam inventori akhir tahun. Kos barangan tersebut adalah RM2,600 dan telah diserahkan kepada pelanggan pada 8 Januari 1994. Jualan ini telah direkodkan dengan betul pada 1994.
 - (v) Invois bagi barangan berkos RM3,500 telah diterima dan direkodkan sebagai belian pada 31 Disember 1993. Barangan tersebut, dikirimkan dengan syarat tambang muatan ke destinasi diterima pada 2 Januari 1994, oleh itu ianya tidak dimasukkan ke dalam inventori fizikal.

...6/-

- (vi) Barangan bernilai RM6,500 adalah di atas konsaigan daripada pembekal. Barangan tersebut tidak dimasukkan ke dalam angka inventori pada akhir tahun.
- (vii) Kiriman barang kepada pelanggan sebanyak RM6,000 pada 30 Disember 1993 dengan syarat tambang muatan ke destinasi telah direkodkan sebagai jualan dalam tahun 1993. Barangan tersebut yang berkos RM3,700 dan diserahkan kepada pelanggan pada 6 Januari tidak dimasukkan di dalam inventori akhir 1993.

Dikehendaki:

- (1) Tentukan tindakan perakaunan yang sesuai untuk setiap butiran di atas. Berikan alasan.
- (2) Kirakan amaun inventori yang betul untuk dilaporkan di dalam kunci kira-kira bagi Syarikat Antah untuk tahun berakhir pada 31 Disember 1993.
- (3) Berapa banyakkah angka dalam penyata pendapatan telah disalah nyatakan jika tiada pelarasan dibuat untuk urusniaga di atas?

[14 markah]

- 3. (a) Salah satu dari peringkat yang penting dalam merekodkan perolehan aset adalah dalam menentukan kos yang berkaitan dengan aset tersebut. Maklumat yang berkaitan dengan Syarikat Mentol adalah seperti berikut:
 - (i) Mesin T telah dibeli pada harga senarai RM92,000; syarat 1/10, bersih 30. Invois mesin tersebut telah dibayar selepas tempoh diskaun. Kos pengangkutan dikenakan sebanyak RM1,270; dan kos pemasangan adalah sebanyak RM920; dan kos percubaan menggunakan mesin adalah RM960. Pembaikan biasa dan peyelenggaraan bagi tahun pertama adalah RM410.
 - (ii) Mesin D boleh dibeli dengan lima bayaran tahunan sebanyak RM6,332 atau dengan RM29,400 secara tunai. Syarikat Mentol telah memilih untuk membeli secara ansuran. Kos perolehan berkaitan yang lain adalah berjumlah RM175.

...7/-

- (iii) Pada 12 Mei 1993, Syarikat Dana telah menawarkan untuk menjual tanah kepada Syarikat Mentol untuk RM62,000; tawaran itu telah ditolak. Pada 29 Jun, 2,125 saham Syarikat Mentol telah diterbitkan sebagai pertukaran untuk tanah tersebut. Nilai par bagi saham biasa tersebut adalah RM20 saham; manakala nilai pasaran saham tersebut adalah RM32 saham pada waktu pembelian. Pihak pengurusan Syarikat Mentol yakin bahawa tanah tersebut akan sekurang-kurangnya bernilai RM64,000 kepada syarikat.
- (iv) Syarikat Mentol telah membeli kelengkapan di bawah kontrak bayaran bertangguh - dengan bayaran muka RM40,000 dan 30 bayaran dua kali setahun sebanyak RM5,000. (Andaikan kadar faedah sebanyak 12%).

Tentukan kos perolehan aset untuk setiap aset di atas.

[8 markah]

- (b) Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan aset tak ketara Syarikat Gagah.

Syarikat Gagah mengalami kos ujikaji dan pembangunan sebanyak RM352,000 di dalam makmalnya untuk memajukan paten yang diperolehi pada 2 Januari 1993. Yuran guaman dan lain-lain kos yang berkaitan dengan pendaftaran paten tersebut berjumlah RM65,600. Syarikat Gagah menganggarkan bahawa jangka hayat berguna bagi tanda perdagangan tersebut adalah selama 20 tahun dari tarikh perolehan.

Tunjukkan bagaimana pembentangan bahagian aset tak ketara di dalam kunci kira-kira bagi Syarikat Gagah pada 31 Disember 1993.

[10 markah]

...8/-

- (c) Syarikat Kerang adalah sebuah syarikat penjelajahan minyak dan gas. Dalam tahun 1993, Syarikat Kerang telah menceburkan diri dalam lima projek penjelajahan yang berlainan. Kos yang berkaitan dengan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Projek 1	RM 325,000
Projek 2	178,000
Projek 3	423,000
Projek 4	240,000
Projek 5	96,000
Jumlah	<u>RM1,262,000</u>

Hanya projek 2 dan 5 berjaya. Pada akhir tahun, tiada pengeluaran dimulakan lagi untuk kedua-dua tempat tersebut.

Dengan andaian bahawa kesemua kos penjelajahan tersebut telah dibayar secara tunai, tunjukkan catatan jurnal untuk merekodkan pembelanjaan untuk tahun tersebut dengan menggunakan:

- (1) Kaedah usaha berjaya (successful effort).
- (2) Kaedah kos penuh (full cost).

[7 markah]

4. (a) Dalam usaha untuk meningkatkan jualan, Syarikat Rafiq memulakan satu kempen jualan promosi pada 30 Jun 1993. Sebahagian daripada promosi ini termasuk meletakkan kupon istimewa di dalam setiap paket gula-gula yang dijual. Pelanggan boleh menukar sepuluh kupon untuk satu frisbee. Setiap premium berkos RM1.50. Syarikat Rafiq menganggarkan bahawa 60% daripada kupon yang dikeluarkan akan ditebus. Untuk enam bulan berakhir 31 Disember 1993, maklumat seperti yang berikut didapati:

Bilangan paket gula-gula terjual	3,200,000 unit
Premium dibeli	172,000 unit
Kupon ditebus	1,425,000 kupon

...9/-

Berapakah anggaran liabiliti untuk tuntutan premium yang belum dituntut pada 31 Disember 1993?

[10 markah]

- (b) Syarikat Beta terlibat di dalam penyelidikan barah. Syarikat Beta terlibat dengan beberapa tuntutan saman yang berkaitan dengan operasi mereka. Untuk setiap kes, tunjukkan pendedahan yang perlu dibuat oleh Syarikat Beta di dalam penyata-penyata kewangan tahunan.
- (i) Salah satu dari ubat-ubatan mereka, Hypotiamin, menyebabkan kesan sampingan yang merbahaya yang mana Syarikat Beta tidak mengetahuinya. Ini menyebabkan tindakan saman telah dibuat ke atas Syarikat Beta. Peguam Syarikat Beta merasakan kemungkinan bahawa mereka akan kalah dalam tuntutan tersebut.
 - (ii) Seorang pekerja Syarikat Beta menyaman syarikat dengan menuduh bahawa penyakit sawannya adalah disebabkan oleh persekitaran perkerjaan di Syarikat Beta. Peguam Syarikat Beta merasakan saman tersebut sebagai tanpa merit.
 - (iii) Pesaing Syarikat Beta, Syarikat Gamma telah mengemukakan permohonan saman kepada mahkamah atas tuduhan pelanggaran paten. Peguam Syarikat Beta tidak pasti akan keputusan saman ini.

[6 markah]

- (c) Sebagai galakan insentif, Syarikat THB telah memberi bonus tahunan kepada pengurus-pengurus cawangannya. Tahun ini, bonus bagi pengurus cawangan Perak adalah sebanyak RM44,000. Perjanjian bonus ini membolehkan setiap pengurus cawangan untuk menerima bonus sebanyak 14% daripada pendapatan selepas potongan untuk bonus dan cukai pendapatan. Kadar cukai pendapatan adalah 30%.

Tentukan pendapatan bagi cawangan Perak sebelum potongan untuk bonus dan cukai pendapatan dibuat.

[9 markah]

...10/-

5. (a) Pada 1 Julai 1993, Syarikat Penerbangan Awan telah memajak dua buah helikopter daripada MAS untuk tempoh awal selama 12 bulan dengan peruntukkan untuk penyambungan dari bulan ke bulan. Pajakan ini dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran pajakan hendaklah dibuat seperti berikut:

Dua bulan pertama	RM15,000 sebulan
Tiga bulan kedua	12,000 sebulan
Tiga bulan ketiga	10,000 sebulan
Empat bulan terakhir	8,000 sebulan

Selepas tahun pertama, sewa adalah disambung pada RM6,000 sebulan.

Sediakan catatan jurnal yang diperlukan untuk merekodkan bayaran sewa untuk tahun pertama di dalam buku.

- (1) Syarikat Penerbangan Awan.
- (2) MAS.

[10 markah]

- (b) Kunci kira-kira Syarikat ARAZ pada 31 Disember 1993, adalah seperti di bawah. Inilah kesemua akaun-akaun yang terdapat di dalam kunci kira-kira Syarikat ARAZ. Jumlah yang ditandakan dengan tanda soalan (?) boleh dikirakan dengan menggunakan maklumat tambahan yang diberi.

Aset		Liabiliti dan ekuiti pemilik	
Tunai	RM 25,000	Akaun belum bayar	?
Akaun belum terima (bersih)	?	Cukai pendapatan belum bayar (semasa)	RM 25,000
Inventori	?	Pinjaman jangka panjang	?
Hartabenda, kilang kelengkapan	294,000	Saham biasa	300,000
		Perolehan tertahan	?
	<u>RM432,000</u>		<u>?</u>
	=====		=====

Nisbah semasa (pada akhir tahun)	1.5:1
Jumlah liabiliti dibahagi jumlah ekuiti pemilik	.8
Pusing ganti inventori berdasarkan jualan dan inventori akhir	15 kali
Pusing ganti inventori berdasarkan kos barang dijual dan inventori akhir	10.5 kali
Margin kasar	RM315,000

...11/-

- (a) Berapakah baki di dalam akaun belum bayar bagi Syarikat ARAZ pada 31 Disember 1993?
- (b) Berapakah baki di dalam akaun perolehan tertahan bagi Syarikat ARAZ pada 31 Disember 1993?
- (c) Berapakah baki di dalam akaun inventori bagi Syarikat ARAZ pada 31 Disember 1993?

[15 markah]

---ooo000ooo---